

Najib minta perbezaan dua penyata kewangan dikecuali

BH-28/11/2019 m/s.9

Bekas PM janji pihak berkuasa akan cari punca, jalankan siasatan secepat mungkin

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak meminta supaya isu perbezaan dua penyata kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak dimasukkan dalam Laporan Pengauditan akhir syarikat pelaburan strategik negara itu.

Najib berjanji kepada (bekas) Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang bahawa pihak berkuasa yang berkaitan akan membuat siasatan menyeluruh secepat mungkin 'dan mencari punca sehingga ke akar umbi'.

Bekas Perdana Menteri itu membuat janji berkenaan pada satu pertemuan di Pejabat Perdana Menteri yang turut dihadiri Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa dan Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh.

Dalam pertemuan itu, Najib meminta Ambrin menjelaskan isu

ketara dan serius dalam Laporan Pengauditan Akhir 1MDB.

Menurut Ambrin, yang memberikan keterangan di Mahkamah Tinggi semalam, beliau kemudian membangkitkan mengenai isu dua penyata kewangan 1MDB yang berbeza bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014.

Beliau yang membacakan penyata saksi, menjelaskan ia membabitkan satu versi yang dihantar kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), menyatakan bahawa 1MDB sudah menggunakan dana yang diperoleh daripada pelaburan untuk membayar hutang syarikat dan digunakan untuk modal kerja.

Menurut Ambrin, satu lagi versi ialah penyata kewangan yang dihantar kepada Kementerian Kewangan, Deutsche Bank dan Ambank, menyatakan bahawa dana diperoleh daripada pelaburan masih lagi dalam simpanan 1MDB.

Ambrin yang kemudian menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Kanan, Datuk Seri Gopal Sri Ram, pada sesi pemeriksaan utama, berkata beliau percaya dengan jaminan diberikan oleh Najib berhubung siasatan yang akan dijalankan terhadap isu perbezaan itu.

"Dia adalah perdana menteri, tiada alasan untuk saya tidak mempercayainya (Najib)," katanya.

Saksi pendakwaan keenam itu bagaimanapun mengakui bahawa beliau tidak pernah menerima pengesahan sama ada Najib menyiasat perkara itu sehingga ke akar umbi.

Menurut Ambrin, beliau berasa tertipu apabila mengetahui tiada laporan polis dibuat walaupun terdapat jaminan diberikan Najib berhubung dua penyata kewangan 1MDB berbeza yang digugurkan daripada Laporan Pengauditan 1MDB.

"Disebabkan oleh jaminan itu, saya bersetuju untuk menggugurkan isu perbezaan dua versi penyata kewangan berkenaan," katanya.

Tambah Ambrin lagi, sepanjang perkhidmatannya selama 12 tahun sebagai Ketua Audit Negara, beliau tidak pernah hadir pada 'Exit Conference' yang masih membincangkan mengenai isu membabitkan Laporan Pengauditan 1MDB.

Persidangan itu sepatutnya hanya sebahagian daripada proses audit biasa di mana pihak yang diaudit berpeluang untuk memberi maklum balas terhadap penemuan oleh pengauditan.

Sementara itu, Ambrin berkata pada 23 Februari 2016, beliau diarahkan oleh Ali untuk hadir mesyuarat bersama Pasukan Khas Audit 1MDB di pejabat KSN bagi membincangkan mengenai lapo-

ran akhir audit dan isu berkaitan.

Mesyuarat yang diadakan pada keesokan hari (24 Februari) itu dihadiri Ali; wakil Pejabat Peguam Negara, Datuk Dzulkifli Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Sri Dr Isa Hussain; wakil Kementerian Kewangan, Asri Hamidon; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Arul Kanda Kandasamy, Setiausaha Sulit Kanan KSN Datuk Norazman Ayob; dan Syukry.

Ambrin menjelaskan, dalam mesyuarat itu Shukry memaklumkan bahawa Laporan Pengauditan 1MDB yang dijalankan oleh Jabatan Audit boleh dipolitikkan oleh pembangkang.

Menurutnya, mesyuarat terbahit memberikan tekanan kepada Jabatan Audit untuk menimbang-nimbang supaya ia mendengar atau menerima maklum balas yang dikemukakan pengurusan 1MDB walaupun tempoh panjang diberikan untuk mereka (pengurusan 1MDB) mengemukakan maklum balas itu.

"Walaupun begitu, saya mengarahkan Pasukan Audit menghadiri sesi perbincangan bersama Arul Kanda, di mana dia mengemukakan beberapa maklum balas terhadap laporan yang disediakan Jabatan Audit.

"Selepas perbincangan, pasu-



Saya berasa tertipu apabila mengetahui tiada laporan polis dibuat walaupun terdapat jaminan diberikan Najib berhubung dua penyata kewangan 1MDB berbeza yang digugurkan daripada Laporan Pengauditan 1MDB.

Ambrin Buang,
Bekas Ketua Audit Negara

kan audit meminta persetujuan saya berkenaan pindaan yang boleh dibuat berdasarkan justifikasi yang diteliti secara terperinci.

"Oleh yang demikian, Laporan Pengauditan 1MDB Jabatan Audit Negara yang siap dicetak tidak boleh digunakan lagi kerana ada pindaan. Saya kemudian mengarahkan semua laporan itu yang sudah dicetak dilupuskan kecuali satu salinan untuk simpanan Pengarah Audit (Sektor Tadbir Urus) Jabatan Audit, Nor Salwani Muhammad," katanya.